

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Pertambahan 30 kluster baharu

Kes jangkitan di tempat kerja penyumbang terbesar

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kluster tempat kerja menjadi penyumbang terbesar bilangan kluster dikesan semalam, dengan sebahagian besarnya membabitkan sektor perkilangan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 30 kluster baharu semalam, menjadikannya yang tertinggi pernah dilaporkan.

"Daripada jumlah itu, 18 kluster membabitkan kes di tempat kerja, manakala 10 adalah sektor kilang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 6,241 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini meningkat ke 616,815 kes.

Katanya, Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi dengan 2,178 kes diikuti Sarawak (600),

Johor (565), Negeri Sembilan (556), Kuala Lumpur (415) dan Sabah (305).

"Semua negeri mencatat pertambahan kes dan hanya Perlis mempunyai peningkatan satu digit, iaitu dua kes.

"Sehingga kini, 86,628 kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 dan daripada jumlah itu, 880 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 444 kes memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya.

Beliau berkata, 87 kes kematian dilaporkan membabitkan 84 warganegara, manakala tiga lagi ialah warga asing berusia antara 26 hingga 101 tahun.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, katanya, 5,133 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 kepada 526,809 kes atau 85.4 peratus daripada keseluruhan kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Malaysia berdepan tren peningkatan mendadak kes baharu dan kematian akibat COVID-19, terutama pada 1 April atau Minggu Epidemiologi (ME) ke-13.

Keadaan itu, tegasnya, membimbangkan kerana kebanyakan daripadanya adalah kes sporadik, iaitu dikesan dalam komuniti tanpa dapat dikaitkan dengan mana-mana kes atau kluster.

Malaysia berdepan tren peningkatan mendadak kes baharu dan kematian akibat COVID-19, terutama pada 1 April atau ME ke-13. Keadaan itu, membimbangkan kerana kebanyakan daripadanya adalah kes sporadik.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



"Tren kes sporadik kekal tinggi pada ME ke-22 (sehingga 5 Jun), dengan jumlah kes baharu COVID-19 dilaporkan ialah 52,040 kes yang mana 84.3 peratus adalah kes sporadik.

"Kita merekodkan kes kumulatif mingguan tertinggi setakat ini pada ME ke-21, iaitu 53,419 kes yang mana 85.1 peratus adalah kes sporadik," katanya.

Mengenai kumulatif mingguan kes kematian, beliau berkata, peningkatan dapat dilihat dari minggu ke minggu.

Katanya, kes kematian COVID-19 pada ME ke-13 (sehingga 3 April) adalah 35 kes (26 kes sporadik), manakala pada ME ke-19 adalah 209 kes (187 kes sporadik).

"Jumlah ini melonjak dan ME ke-22 merekodkan 641 kes kematian COVID-19 (569 kes sporadik).

"Antara faktor penyumbang ialah kemunculan varian baharu dalam komuniti dengan kadar kebolehhangkitan dan kematian lebih tinggi," katanya.

Dalam perkembangan lebih meyakinkan, kadar kebolehhangkitan (Rt) COVID-19 mengikut kes harian di Malaysia mencatatkan penurunan kepada 1.0 kelmarin.

Dr Noor Hisham berkata, ia adalah Rt terendah yang dicatatkan Malaysia dalam tempoh hampir dua bulan apabila kali terakhir mencatatkan angka 1.0 pada 8 April lalu, iaitu di permulaan lonjakan terbaharu pandemik itu.

Data dikongsi beliau di Facebook kelmarin, menunjukkan Malaysia merekodkan penurunan Rt tujuh hari berturut-turut daripada 1.16 pada 29 Mei lalu sebelum berkurangan setiap hari

sehingga mencatat 1.0 kelmarin.

Melainkan Perlis dan Kelantan, Rt di semua negeri masih melebihi purata kebangsaan kelmarin, tertinggi adalah Labuan dengan 1.37.

Ia disusuli Negeri Sembilan (1.23), Sabah (1.14), Melaka (1.12), Selangor (1.09), Kuala Lumpur (1.07), Pahang (1.07), Pulau Pinang (1.06), Perak (1.06), Terengganu (1.05), Johor (1.03), Sarawak (1.03), Putrajaya (1.03) dan Kedah (1.01).

Kelantan mencatat nilai Rt sama dengan purata kebangsaan, iaitu 1.0, manakala Perlis satu-satunya negeri merekodkan nilai Rt di bawah 1.0 kelmarin dengan 0.98.

Data dikongsi Dr Noor Hisham turut menunjukkan kes mingguan COVID-19 menurun buat kali pertama selepas meningkat selama lapan minggu berturut-turut.

Kes terkumpul COVID-19 bagi minggu ke-22 tahun ini, iaitu antara 30 Mei hingga 5 Jun mencatat penurunan kepada 52,040 kes, berbanding 53,419 kes pada minggu sebelumnya.

Jumlah kes mingguan mula meningkat pada minggu ke-14 tahun ini, iaitu antara 4 April hingga 10 April lalu dengan 9,507 kes sebelum meningkat 461 peratus kepada lebih 53,000 kes dalam tempoh lapan minggu.

Terkini COVID-19 5,133

Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

6,241 Kes baharu disahkan, semalam

3,378 Jumlah kematian dicatat

616,815 jumlah kes disahkan positif

86,628 kes yang masih dirawat

KKM mula uji Ivermectin

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) dan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) memulakan ujian klinikal bagi mengkaji kesan penggunaan serta keberkesanan Ivermectin untuk merawat pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di 12 hospital di bawah kementerian itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Ivermectin sejenis ubat antiparasit diluluskan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan (FDA), digunakan meluas bagi merawat beberapa penyakit tropika terabai, termasuk onchocerciasis, strongyloidiasis dan helminthiasis.

Bagaimanapun, belum ada buktinya konklusif untuk mengesyorkan penggunaan Ivermectin bagi merawat COVID-19.

"Penggunaan off-label Ivermectin meraih perhatian global berikutan ada beberapa kajian kes dan ujian klinikal menunjukkan keputusan yang baik. FDA tidak

luluskan penggunaan Ivermectin bagi merawat dan mencegah COVID-19 ke atas manusia.

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hanya mengesyorkan penggunaan Ivermectin dalam ujian klinikal, yang mana pesakit perlu dipantau dengan teliti oleh doktor pakar dan penyelidik berpengalaman untuk menjamin keselamatan serta keberkesanan," katanya dalam satu kenyataan, malam kelmarin.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, ujian klinikal perlu diteruskan dengan teliti bagi mengenal pasti peranan Ivermectin dalam merawat COVID-19.

Katanya, KKM dan ICR memulakan ujian Keberkesanan Rawatan Ivermectin ke atas Pesakit COVID-19 Berisiko Tinggi (Kajian I-TECH) yang diketuai pakar Penyakit Berjangkit Hospital Raja Permaisuri Bainun. IpoN dengan dibantu sepasukan pakar dan penyelidik Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) di 12 hospital

di bawah KKM.

Dr Noor Hisham berkata, ujian itu diluluskan oleh Jawatankuasa Kajian dan Etika Perubatan pada 25 Mei yang menyaksikan perbandingan antara rawatan Ivermectin (dos tertentu dengan tempoh tertentu) dengan rawatan standard semata-mata.

"Kajian berkenaan akan membabitkan 500 subjek daripada kumpulan berisiko tinggi berusia 50 tahun dan ke atas yang dimasukkan ke hospital KKM dengan gejala ringan atau sederhana COVID-19 (kategori dua hingga tiga).

"Ia bertujuan menentukan keberkesanan Ivermectin dalam mencegah COVID-19 daripada menjadi lebih serius (kategori empat dan lima) dan mengurangkan kematian. ICR menubuhkan Lembaga Pemantauan Data (DMB) merangkumi doktor biasa yang bebas, ahli farmasi ujian klinikal serta pakar metodologi," katanya. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Gagal hadir janji temu perlu penjadualan semula

Pastikan sasaran 80 peratus rakyat divaksin, capai imuniti kelompok

Johor Bahru: Mereka yang gagal hadir janji temu vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) perlu melakukan penjadualan semula menerusi aplikasi MySejahtera.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CK), sekali gus mencapai sasaran kerajaan untuk memastikan 80 peratus rakyat divaksin bagi mendapat imuniti kelompok.

"Jumlah individu gagal hadir janji temu vaksin akan dimak-

lumkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), minggu depan," katanya selepas melawat PPV Mega di Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor Bahru (PERSADA), di sini, semalam.

Katanya, kerajaan tidak berdepan masalah akibat ketidakhadiran penerima kerana mempunyai strategi penyimpanan yang baik bagi mengelak ia rosak, antaranya diberikan kepada penerima suntikan keesokannya.

"Kita ada kaedah penyimpanan khas jika ada penerima gagal hadir janji temu. Kita ada kaedah khas memanggil nama (penerima) lain dalam MySejahtera untuk ganti mereka yang gagal hadir," katanya.

Mengenai pendaftaran vaksinasi secara automatik seperti dimaklumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin, beliau berkata, pihaknya sedang mengusahakan kaedah terbaik pelaksanaan pendaftaran automatik.



Dr Adham Baba

"Setakat ini kita ada lima kaedah pendaftaran vaksin termasuk menerusi MySejahtera, hotline dan laman web KKM, namun ia menggunakan teknologi. KKM juga ada senarai nama pesakit kronik dirawat sama ada di klinik kesihatan, hospital awam atau hospital swasta untuk dipanggil janji temu vaksin.

"Kita juga sedang melaksanakan pendaftaran bersemuka dengan pergi ke kawasan pedala-

man dan sukar dicapai. Ini dilakukan Pejabat Daerah dan Ejen Basmi COVID-19 yang diselia Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan menggunakan pasukan PPV bergerak," katanya.

Sementara itu, beliau melalui Twitter memaklumkan, sejumlah 3,493,193 dos vaksin diberikan sejak PICK bermula 24 Februari lalu atau kapasiti 72,480 dos sehari, dengan 2,364,455 individu sudah menerima satu dos.

Katanya, lebih 9.7 peratus daripada 24.3 juta individu berusia 18 tahun ke atas di negara ini, sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Dr Adham berkata, seramai 1,128,738 individu pula sudah menerima dua dos lengkap vaksin COVID-19, bersamaan kira-kira 4.6 peratus daripada jumlah individu yang disasarkan untuk mencapai imuniti kelompok terhadap wabak itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

PPV mega mula operasi hari ini percepat vaksinasi

Persiapan rapi dibuat pastikan kemudahan capai sasaran suntikan

Oleh Mohd Roji Kawi, Mohamed Farid Noh, Faris Fuad dan Ahmad Suhail Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pusat pemberian Vaksin (PPV) berskala besar mula beroperasi hari ini bagi mempercepat proses suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Tiga daripada kemudahan itu, masing-masing di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang, mampu mengendalikan suntikan vaksin AstraZeneca untuk 3,000 penerima sehari.

Di **Johor Bahru**, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata buat permulaan PPV mega di tiga lokasi berkenaan akan mengendalikan suntikan vaksin AstraZeneca kepada 500 penerima sehari.

"Sebanyak 500 penerima vaksin AstraZeneca akan disuntik di tiga PPV mega di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, bermula esok (hari ini) sebelum penerima ditambah sehingga 3,000 sehari.

"Kita sudah membuat persiapan rapi dengan petugas mencukupi dan keadaan di PPV mega juga sangat kondusif untuk penerima vaksin," katanya selepas melawat PPV Mega di Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor Bahru (PER-SADA), semalam.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menggerakkan pelbagai bentuk PPV di seluruh negara dalam usaha memvaksin 9.3 juta penerima pada fasa kedua program imunisasi kebangsaan.

Beliau berkata, ia selaras kenyataan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin bahawa lebih 300 lagi PPV akan dibuka secepat mungkin di negara ini bagi mempercepat pelaksanaan PICK.

"Perkara itu juga sudah digariskan dalam rancangan awal PICK bagi fasa pertama, kedua dan ketiga. Bagi fasa pertama yang babitkan 500,000 barisan hadapan, kita sudah selesai termasuk untuk dos kedua, namun tidak membatik banyak PPV, vaksinasi secara bergerak.

"Namun untuk fasa kedua, kita ada 9.3 juta penerima vaksin yang sudah mendaftar dan perlu disuntik, memerlukan penambahan PPV lebih ketara.

"KKM menggerakkan lebih banyak PPV, termasuk di Klinik Kesihatan, hospital awam, PPV mega, hospital swasta dan PPV hibrid yang akan diumumkan nanti.

"Semua bentuk PPV ini kita gerakkan untuk menyelesaikan fasa kedua PICK seperti ditetapkan dan fasa ketiga pula akan membatik 13 juta penerima," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri dilaporkan berkata, lebih 300 lagi PPV bagi program imunisasi kebangsaan akan dibuka secepat mungkin, tambahan kepada lebih 280 PPV yang sedang beroperasi di seluruh negara ketika ini.

Sementara itu, PPV mega di Axiata Arena Bukit Jalil di ibu negara mampu memuatkan kira-kira 4,000 pengunjung setiap hari, namun buat permulaan, hanya



Dr Adham melawat persiapan PPV di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

1,600 penerima vaksin ditetapkan sehari sebelum ditambah secara berperingkat.

Pengurusnya, Dr Mohd Fadhl Mohd Fauzi ketika ditemui media semalam, berkata mereka yang ke Axiata Arena bermula hari ini akan mengambil dos kedua vaksin selepas ditukarkan janji temu dari PPV Kompleks Sukan Desa Tasik dan Kompleks Komuniti Muhibbah.

"Sebelum ini, dua kompleks itu masing-masing boleh memuatkan 800 orang, sebab itu kita akan mula menerima kunjungan 1,600 individu.

"Apabila boleh pastikan semua proses lancar, kita akan tambah kepada 4,000 individu secara ber-

peringkat," katanya.

Selain Axiata Arena Bukit Jalil, PPV mega yang dibuka di Lembah Klang hari ini adalah di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL-CC), Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) dekat Shah Alam dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam.

Dr Mohd Fadhl, berkata pihaknya membuat simulasi penuh proses pemberian vaksin kepada 36 petugas barisan hadapan di PPV itu yang membatik kira-kira 200 petugas dalam kalangan kakitangan kesihatan, sukarelawan, polis, tentera dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Sementara itu, jururawat, Zuryatie Abdul, berkata setiap ka-



kitangan perubatan akan menyuntik vaksin kepada lebih 100 individu sehari di PPV berkenaan dengan 30 bilik suntikan yang mempunyai ruang selesa disediakan bagi memastikan proses suntikan vaksin berjalan lancar.

"Kita ada 16 kakitangan terbabit proses suntikan vaksin yang mengambil masa tidak sampai seminit.

"Namun, ada situasi kadang-kadang penerima vaksin takut jarum dan bertanyakan banyak soalan menyebabkan proses menjadi lebih lama sehingga 10 minit," katanya.

Sukarelawan, Muhammad Syahir Roshidi, berkata dia pula ditugaskan membawa kereta *buggy*

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NASIONAL

39 petugas PKD naik bot laksana program vaksinasi

Seramai 400 penduduk dari pedalaman hadiri janji temu suntik vaksin

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kuala Krai: Menaiki bot menelusuri arus deras Sungai Kelantan selama 45 minit menjadi antara cabaran 39 petugas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Krai untuk ke 10 kampung di pedalaman daerah itu, bagi melaksanakan Program Khidmat Masyarakat Vaksinasi COVID-19.

Kesukaran penduduk menghadiri janji temu suntikan vaksin mendorong PKD itu dengan dibantu beberapa pihak merangkumi Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Guchil, Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengadakan Program Outreach Vaksinasi COVID-19 di kawasan berkenaan.

Seramai 400 penduduk kampung menerima vaksin di pekarangan Masjid Kampung Bahagia semalam, dengan proses suntikan bermula jam 9.30 pagi sehingga 1 tengah hari.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Krai, Dr Hazura Mat Zubir,



Sebahagian petugas kesihatan menaiki bot demi melaksanakan program vaksinasi ke kampung pedalaman pada Program Outreach Vaksinasi COVID-19 di Kampung Bahagia, Kuala Krai, semalam. (Foto BERNAMA)

45, berkata, mereka memahami kesukaran penduduk yang tinggal di pedalaman memenuhi janji temu vaksinasi.

"Kebanyakan penduduk yang tinggal di pedalaman terpaksa menggunakan khidmat bot penambang atau melalui jalan balak yang memerlukan 45 minit menggunakan kenderaan pacuan empat roda untuk menghadiri janji temu vaksinasi ditetapkan.

"Seramai 39 petugas kesihatan dari PKD Kuala Krai dan Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai diberi tanggungjawab memberi suntikan vaksin kepada penduduk dan kehadiran mereka amat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika Program Outreach Vaksinasi COVID-19 di perkarangan Masjid Kampung

Bahagia di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guchil, Hilmi Abdullah.

Dr Hazura berkata, pihaknya turut menyediakan perkhidmatan suntikan vaksin ke rumah penduduk kampung yang uzur, sakit kronik atau terlantar.

"Seramai 400 penduduk dari Kampung Bahagia, Kampung Mambong, Kampung Keluak, Kampung Sungai Rimau, Kampung Berhala, Kampung Piso, Kampung Bantuan, Kampung Pasir Tinggi dan Kampung Raba menerima suntikan vaksin.

"Dalam masa terdekat, kami akan memasuki beberapa lagi kawasan pedalaman berhampiran untuk membantu penduduk mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Katanya, PKD mendapat kerjasama imam, penghulu, penggerak komuniti, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Penerangan (JAPEN) Kelantan serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) untuk menggalakkan penduduk mendaftar suntikan vaksin.

- Dr Hazura berkata, pihaknya mendapati ramai penduduk mahu mendapatkan suntikan vaksin, namun ada yang tidak mengetahui cara mendaftar selain masalah liputan internet.

Sehingga kelmarin, katanya, seramai 27,000 atau 31.8 peratus penduduk berumur 18 tahun ke atas sudah mendaftar sebagai penerima vaksin di daerah Kuala Krai.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



PETUGAS kesihatan membuat persediaan bagi kemasukan pesakit di Pusat Kuarantin dan Rawat Covid-19 di Dewan Al-Farabi, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Alor Setar semalam. - SHAHIR NOORDIN

Kes turun selepas seminggu PKP penuh

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Kes harian negara menunjukkan penurunan selepas seminggu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh dengan 6,241 kes dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 616,815 kes.

Kes aktif dengan keboleangkitan Covid-19 pula terus meningkat mencatatkan 86,628 kes dengan 890 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 444 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Terdapat 87 kes kematian Covid-19 direkodkan termasuk tiga daripadanya warga asing dilaporkan di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Kuala Lumpur, Sarawak, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka dan Labuan dengan jumlah kematian terkini sebanyak 3,378 kes.

Pada masa sama, sebanyak 5,133 kes sembuh dicatatkan se-

malam menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 526,809 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes semalam, Selangor melaporkan sebanyak 2,178 kes, diikuti oleh Sarawak (600 kes) dan Johor (565 kes).

"Seterusnya, Negeri Sembilan (556 kes), Kuala Lumpur (415 kes), Sabah (305 kes), Pulau Pinang (271 kes), Kelantan (270 kes), Melaka (225 kes), Labuan (212 kes), Perak (174 kes), Terengganu (158 kes), Pahang (155 kes) dan Kedah (125 kes).

"Putrajaya pula sebanyak 30 kes, manakala Perlis dengan dua kes," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, sebanyak 30 kluster baharu dikenal pasti melibatkan 18 kluster tempat kerja dengan 10 kluster melibatkan sektor perkilangan.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	6,241
Import:	4
Tempatan:	6,237
Pulih	5,133
• Kematian	87
• Masih dirawat	86,628
• Jumlah kes sembuh	526,809
• Jumlah Kematian	3,378
Jumlah kes keseluruhan	616,815

"Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan menasihatkan majikan untuk sentiasa patuh prosedur di tempat kerja," ujarnya.

23 kes varian Beta dikesan di Kelantan

KOTA BHARU - Sebanyak 23 kes melibatkan varian jenis Beta (B.1.351) yang sebelum ini dikenali sebagai varian Afrika Selatan telah dikesan menjangkiti pesakit Covid-19 di Kelantan setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, jangkitan varian itu dikesan selepas terdapat kes terbaharu dalam Kluster Jalan Padang Tembak dan Bunut Susu baru-baru ini.

Katanya, selain itu, varian sama turut dikesan menjangkiti pesakit dalam kluster di sekolah tahfiz di Tanah Merah dan Kluster Kampung Bunut Sarang Burung.

"JKNK telah mengambil sampel calitan individu yang dijangkiti varian itu. Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan agar terus mematuhi prosedur operasi standard

(SOP)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengadakan lawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan, Tanjong Chat di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah PKRC Kelantan, Dr. Zurairie Mohd. Zubir dan Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab II, Datuk Dr. Datuk Dr. Selaswati Ghazali.

Terdahulu, Zaini melawat PKRC JKKN yang merupakan pusat kuarantin ke-15 di Kelantan selain menjadi PKRC hibrid kedua di negeri ini yang menempatkan katil klinikal selepas Gelanggang Seni.

Mengulas lanjut, beliau berkata, PKRC itu mula beroperasi semalam dengan kapasiti 200 katil pesakit termasuk 44 katil klinikal.



ZAINI (dua dari kanan) bersama Selaswati (dua dari kiri) dan Zurairie (kiri) meninjau PKRC di JKKN Kelantan di Tanjong Chat, Kota Bharu yang baru dibuka semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : NEGARA

Di UK tiada lagi pesakit Covid-19 mati

Bukti program vaksinasi berjaya

JOHOR BAHRU - Kejayaan United Kingdom (UK) yang tidak merekodkan sebarang kematian akibat Covid-19 sejak beberapa hari lalu merupakan bukti keberkesanan program vaksinasi besar-besaran.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kejayaan itu memberi keyakinan bahawa vaksin dapat meningkatkan imuniti seseorang individu dalam melawan wabak berkenaan.

Jelasnya, disebabkan itu Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) perlu dijayakan dengan kerjasama rakyat negara ini.

"Saya dapati data yang kita peroleh dari UK menunjukkan program vaksinasi telah berjaya catat kematian sifar. Ini beri kita semangat untuk kita laksanakan program vaksin skala besar.

"Disebabkan itu penting untuk kita tingkatkan imuniti dan perlindungan kepada seramai mungkin agar situasi Covid-19 di negara ini tidak sampai ke tahap lebih serius," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini semalam.

Baru-baru ini, media antarabangsa melaporkan UK tidak merekodkan sebarang kematian akibat Covid-19 sejak beberapa hari lalu dipercayai selepas



ADHAM

pelaksanaan program vaksinasi besar-besaran di negara berkenaan.

Sehubungan itu, Adham sekali lagi menegaskan kepentingan masyarakat negara ini untuk beramai-ramai mendapatkan suntikan vaksin menerusi PICK dalam usaha mengekang penularan pandemik Covid-19.

"Menerusi PICK fasa pertama, seramai kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan menerima suntikan, manakala dalam fasa kedua pula dijangkakan seramai 9.3 juta individu akan disuntik.

"Program itu akan diteruskan dalam fasa ketiga di mana dianggarkan seramai lebih 13 juta individu akan disuntik.

"Kerajaan telah ambil inisiatif sediakan lebih banyak kemudahan PPV mega di seluruh negara," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Bukti keberkesanan program vaksinasi berskala besar, kata Dr Adham

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

Tiada kematian yang direkodkan akibat Covid-19 melalui program vaksinasi berskala besar di United Kingdom (UK) sejak beberapa hari lalu membuktikan keberkesanan pelaksanaan program itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kejayaan program tersebut menjadi contoh dan memberi semangat untuk negara ini turut melaksanakan program vaksinasi secara besar-besaran.

"Saya dapati data yang kita peroleh dari UK menunjukkan program vaksinasi berjaya mencatat sifar kematian.

"Disebabkan itu, penting untuk kita tingkatkan imuniti dan perlindungan kepada seramai mungkin individu supaya situasi Covid-19 di negara ini tidak sampai ke tahap lebih serius," katanya ketika ditemui pemberita selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini pada Ahad.

Media antarabangsa baru-baru ini

UK catat sifar kematian



Dr Adham (tengah) meninjau persiapan di PPV Mega di Johor Bahru pada Ahad.

**MENDEPANI KRISIS
 COVID-19:
 APA TINDAKAN
 KITA?**

melaporkan UK tidak merekodkan sebarang kematian akibat Covid-19 sejak beberapa hari lalu dipercayai selepas pelaksanaan program vaksinasi besar-besaran di negara berkenaan.

Sementara itu, Dr Adham berkata, individu yang gagal menghadiri tarikh janji temu untuk suntikan di PPV perlu melakukan penjadualan semula menerusi aplikasi MySejahtera.

Katanya, ini bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan

(PICK) sekali gus mencapai imunisasi kelompok 80 peratus rakyat tercapai.

"Kerajaan akan memaklumkan jumlah individu yang gagal menghadiri tarikh janji temu mereka minggu depan.

"Kita terima laporan harian bahawa ada individu gagal hadir janji temu vaksinasi mereka atas pelbagai sebab, antaranya tiada pengangkutan atau kerana takut disuntik," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, kerajaan bagaimanapun tidak berdepan sebarang masalah akibat kegagalan individu menghadiri janji temu berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

30 kluster baru direkodkan

Kes harian Covid-19 catat 6,241, melibatkan 87 kematian

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Sebanyak 30 kluster baru turut dilaporkan menjadikan jumlah kluster bertambah kepada 2,338 kluster. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 713 kluster masih aktif sementara 1,625 kluster telah tamat. "Daripada jumlah kluster baru itu sebanyak 18 kluster adalah daripada kategori kluster tempat kerja dengan 10 kluster melibatkan sektor perki-

langan," kata beliau dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sementara itu, jumlah kes harian baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan penurunan pada Ahad apabila sebanyak 6,241 kes dilaporkan berbanding 7,452 kes pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, kematian yang direkodkan pula ialah 87 kes membabitkan 84 warganegara dan tiga bukan warganegara.

"Angka terbaru yang direkodkan itu menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia sebanyak 616,815 kes," katanya.

Beliau memberitahu, Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi dengan 2,178 kes diikuti Sar-

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

awak (600), Johor (565), Negeri Sembilan (556) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (415).

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, Perlis pula kekal menjadi negeri melaporkan pertambahan kes terendah dengan dua jangkitan baharu.

Menurutnya, daripada keseluruhan kes jangkitan baharu yang dikesan, 6,227 adalah kes tempatan manakala 14 kes import.

"Dengan pertambahan kes baharu ini, kes aktif ketika ini sebanyak 86,628 kes manakala yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 890 kes.

"Sebanyak 444 kes pula memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

KKM mula uji Ivermectin ke atas pesakit Covid-19 berisiko tinggi



KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) telah memulakan ujian klinikal bagi mengkaji kesan penggunaan serta keberkesanan Ivermectin untuk merawat pesakit Covid-19 yang berisiko tinggi di 12 hospital di bawah Kementerian itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Ivermectin adalah sejenis ubat antiparasit yang diluluskan oleh Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) serta digunakan secara meluas bagi merawat beberapa penyakit tropika terabai termasuk onchocerciasis, strongyloidiasis dan helminthiasis namun belum ada bukti yang konklusif untuk mengesahkan penggunaan Ivermectin bagi merawat Covid-19.


"Penggunaan *off-label* Ivermectin meraih perhatian global berikutan terdapat beberapa kajian kes dan ujian klinikal menunjukkan keputusan baik.

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hanya mengesyorkan penggunaan Ivermectin dalam ujian klinikal di mana pesakit perlu dipantau dengan teliti," katanya pada Sabtu. - *Bernama*

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
616,815	526,809	890	3,378	6,241	3,493,193



INFOGRAFI: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Jangkitan baharu terus turun 6,241 kes

PUTRAJAYA: Jumlah jangkitan Covid-19 menunjukkan trend penurunan dengan semalam direkodkan 6,241 kes baharu manakala angka kematian sebanyak 87 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor masih kekal menjadi negeri mencatatkan kes harian tertinggi dengan 2,178 kes diikuti Sarawak (600); Johor (565); Negeri Sembilan (556); Kuala Lumpur (415) dan Sabah (305).

“Semua negeri mencatatkan pertambahan kes hari ini (semalam) kecuali Perlis mencatatkan pertambahan kes satu digit iaitu dua kes,” kata beliau menerusi kenyataan di Facebook semalam.

Menurut beliau, bagi 87 kematian, ia melibatkan 34 kes di Selangor, 12 kes di Johor, sembilan kes di Negeri Sembilan, enam kes di Kedah, lima kes di Kuala Lumpur, masing-masing empat kes di Sarawak dan Pulau Pinang, masing-masing tiga kes di Kelantan, Terengganu, dan Pahang serta masing-masing dua kes di Melaka dan Labuan.



SEORANG ahli jawatankuasa penduduk melakukan sanitasi di kawasan kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Kota di Bandar Tun Razak di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Bagaimanapun, menurut beliau, Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 30 kluster baharu dikesan, menjadikan ia rekod tertinggi pernah dilaporkan dalam negara.

Jumlah tertinggi pernah di-

laporkan pada 1 Jun iaitu 27 kluster.

Dalam kenyataan sama, Dr. Noor Hisham berkata, daripada jumlah itu, 18 adalah kluster tempat kerja dengan 10 melibatkan sektor perkilangan dan

masing-masing satu kes membabitkan kluster pusat tahanan dan keagamaan.

Katanya, kluster itu dikesan di Johor, Sabah, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Melaka, Kedah, Putrajaya, dan Perak.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION/ NEWS

4-DIGIT CASES SINCE FEB 17

HEALTH D-G: ANYONE CAN BE INFECTED

Public urged to take Covid-19 situation seriously due to upward trend in new infections

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

AS Covid-19 infections remain high, the Health Ministry has urged the public to take the matter seriously and understand that anyone can become a victim of the coronavirus.

This comes after the nation recorded 6,241 new infections over the past 24 hours, as it continues to log four-digit cases since Feb 17.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative new Covid-19 cases reported in epidemiological week 13 (up to April 3) were 8,968, where 52 per cent were sporadic cases.

He said in epidemiological week 19, the cumulative cases were 29,386 with 77.7 per cent being sporadic cases.

"The country reported the highest cumulative cases in epidemiological week 21 with 53,419 cases and 85.1 per cent being sporadic cases.

"This upward trend remained



A health worker making preparations at a quarantine centre for low-risk Covid-19 patients in Alor Star, Kedah, yesterday. PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

in the 22nd week (up to Saturday), with 52,040 cases and 84.3 per cent being sporadic cases."

He said the number of deaths had increased week by week from epidemiological week 13 at 35 cases to 209 cases in epidemiological week 19.

The number of deaths spiked to 641 in epidemiological week 22.

"One contributing factor is the emergence of new variants, with higher infectivity and death

rates, apart from the widespread transmission of Covid-19 in the community compared with previous epidemiological weeks.

"Therefore, the Health Ministry urges the public to take the situation seriously as Covid-19 is in the community, including at shopping malls and workplaces.

"The people must understand that anyone can be infected with Covid-19, no matter where

they are."

Selangor recorded the highest number of infections at 2,178 cases, followed by Sarawak (600), Johor (565) and Kuala Lumpur (415).

Other states and territories also reported three-digit cases except for Putrajaya with 30 cases and Perlis, two cases.

Dr Noor Hisham said the latest Covid-19 figures took the total number of cases in the

country to 616,815.

To date, there are 86,628 active cases with 890 patients in the intensive care unit. Of the total, 444 require breathing assistance.

Dr Noor Hisham said 87 deaths were recorded yesterday, raising the death toll to 3,378, or 0.55 per cent.

Thirty-four of the deaths were reported in Selangor, 12 in Johor, nine in Negri Sembilan and six in Kedah.

Kuala Lumpur reported five deaths, while Sarawak and Penang each recorded four deaths.

Kelantan, Terengganu and Pahang each recorded three deaths, while two deaths were recorded in Melaka and Labuan.

A total of 5,133 recovered cases were recorded yesterday, bringing the cumulative recoveries to 526,809.

The Health Ministry reported 30 new clusters yesterday.

Eighteen were linked to workplaces with 10 involving the manufacturing sector.

The clusters were reported in Johor, Sabah, Selangor, Penang, Kelantan, Melaka, Kedah, Putrajaya, Pahang and Perak.

"Employers must always adhere to the standard operating procedures laid out by the National Security Council, as well as the Health and International Trade and Industry ministries to balance the continuity of manufacturing operations with efforts to curb the spread of Covid-19," said Dr Noor Hisham.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Adham: Reschedule if you missed your appointment



For the good
of you, me and
all Malaysians

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Those who missed their Covid-19 vaccinations should reschedule their appointments through the MySejahtera app, says Datuk Seri Dr Adham Baba.

The Health Minister said this would help the government achieve herd immunity in the country.

"We receive daily reports about individuals who fail to come for their vaccination appointments due to many reasons, including no transportation or afraid of getting jabs.

"But I would like to advise them to reschedule through MySejahtera to make sure that they are not left behind under the National Covid-19 Immunisation Programme," he told reporters at the mega vaccination centre (PPV) at Persada International Convention here yesterday.

He said while the vaccines allocated to those who don't show up were administered to others, their names will still remain on the waiting list.

Meanwhile, he said about 500 individuals would be receiving their AstraZeneca shots daily at the mega PPV within two days of its operation, and on the third day, the number would increase to 3,000 individuals daily.

Dr Adham said the success in United Kingdom, which has not recorded any deaths from Covid-19 over the past few days, was a testament to the effectiveness of large-scale vaccination programmes.

He added that such success also



Paying close attention: Dr Adham (left) listening to a briefing during his visit to the PPV at Persada International Convention centre in Johor Baru. — Bernama

gave confidence that the vaccine could boost an individual's immunity in fighting the epidemic.

Dr Adham said this was why the National Covid-19 Immunisation Programme must be successful with close cooperation from the public.

"It is important for us to increase immunity and protection for as

many as possible to ensure the Covid-19 situation in the country does not reach a more serious level," he said.

Dr Adham added that under the first phase of the programme, about 500,000 frontliners received the jabs while another 9.3 million individuals are expected to get their vaccine shots under the sec-

ond phase.

"This programme will continue in the third phase where it is estimated that more than 13 million individuals would get their vaccination shots.

"With that in mind, the government has taken initiative by having more PPVs throughout the country," he added.

Health DG: New daily cases drop to 6,241

PETALING JAYA: Malaysia recorded 6,241 new cases as at 12pm yesterday, the lowest figure in the last two weeks.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 86,628 active cases.

However, those warded at the intensive care unit remained at 890 for the 13th consecutive day, with 444 requiring ventilator support.

From yesterday's cases, Selangor had 2,178, followed by 600 in Sarawak, 565 in Johor, 556 in Negri Sembilan, 415 in Kuala Lumpur and 305 in Sabah.

Dr Noor Hisham said there were 87 deaths, bringing the cumulative death toll to 3,378.

He urged Malaysians to exercise extra caution as there were a total of 52,040 sporadic cases as of Saturday.

Sporadic Covid-19 cases are positive ones that cannot be linked to any clusters.

He said the increase in sporadic cases were recorded beginning in an epidemiological week (ME) 13 on April 3 with 8,968 cases, followed by 29,386 sporadic cases in ME19 (week ending May 15).

The country later recorded the highest weekly cumulative cases in ME21 (week ending May 30) with 53,419 cases, where 85.1% of them were sporadic cases.

"Sporadic cases remained high on ME22 (up till June 5), with 52,040 new Covid-19 cases, where 84.3% of them were sporadic cases."

Dr Noor Hisham said the rise in such cases and deaths was due to the emergence of new variants in the community with high infectivity and mortality levels.